

U B421 BAH

MAHATHIR- PAS

KUALA TERENGGANU, 31 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MELAHIRKAN KEKUATIRANNYA HURU-HARA AKAN BERLAKU DI NEGARA INI DAN KEFAHAMAN ISLAM SEBENARNYA AKAN HILANG SEKIRANYA PAS BERJAYA MEMERINTAH SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM Hujung minggu ini.

PERDANA MENTERI BERKATA TINDAK-TANDUK PAS SELAMA INI MENUNJUKKAN IA TIDAK BERUSAHA MEMPERJUANGKAN NEGARA ISLAM SEJATI SEBAGAIMANA DALAM PERLEMBAGAANNYA TETAPI SEMATA-MATA UNTUK MEMANCING UNDI.

KATANYA ANTARA TINDAK-TANDUK PAS YANG SENTIASA BERCANGGAHAN IALAH TUDUHANNYA TERHADAP ORANG-ORANG MELAYU BAHAWA MEREKA KAFIR SEKIRANYA BEKERJASAMA DENGAN ORANG-ORANG BUKAN ISLAM.

KETIKA MERASMIKAN UPACARA MELETAK BATU ASAS KILANG MENENUN SUTERA PERMINT SUTERASEMAI SDN BHD DI KUALA IBAI DEKAT SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PAS KINI BEKERJASAMA PULA DENGAN PARTI-PARTI YANG DITUBUHKAN OLEH BUKAN ISLAM DAN, BELIAU BERTANYA TIDAKKAH INI JUGA MENJADIKAN PAS KAFIR?

KATANYA TINDAK-TANDUK PAS JUGA BERBEZA-BEZA DI PANTAI BARAT DAN PANTAI TIMUR. DI PANTAI TIMUR MEREKA BERCAKAP MENGENAI AGAMA DAN NEGARA ISLAM SEMATA-MATA UNTUK MENJAGA HATI ORANG MELAYU TETAPI DI PANTAI BARAT MEREKA BERMUKA-MUKA DENGAN ORANG BUKAN ISLAM UNTUK MEMANCING UNDI SEMASA PILIHAN RAYA INI. -- LAGI.

1129MST 31 07 86

U B422 BAH

MAHATHIR-PAS 2 KUALA TERENGGANU

PERDANA MENTERI MENYELAR PAS KERANA MENGELUARKAN MANIFESTO YANG TIDAK MENGGARISI PERKARA-PERKARA YANG SEBENARNYA TENTANG URA-URA PAS HENDAK MENUBUHKAN KERAJAAN ISLAM DI NEGARA INI.

DALAM MANIFESTO ITU PAS MENCUBA MENGGARISI PERJUANGANNYA APA YANG DISEBUTKAN OLEH MEREKA UNTUK KEADILAN, KEAMANAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT. BAGAIMANAPUN TINDAK-TANDUK PAS DI MEMALI, SEBAGAI CONTOH, PERBUATANNYA YANG MENGAKIBATKAN BEBERAPA ORANG TERBUNUH BERTENTANGAN DENGAN MANIFESTO ITU.

KATANYA RAKYAT DI NEGARA INI MAHUKAN PAS BERTERUS TERANG DALAM SEGALA TINDAK-TANDUKNYA TERUTAMA CITA-CITA PARTI ITU HENDAK MENEGAKKAN NEGARA ISLAM DAN BUKANNYA BAYANG-BAYANGAN KOSONG YANG TIDAK MUNGKIN TERCAPAI JIKA IA MEMENANGI PILIHAN RAYA NANTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional BERKATA PERIKATAN DAHULU DAN BN SEKARANG HANYA BERNIAT UNTUK MENGABDIKAN DIRI KEPADA RAKYAT, MEMBELA RAKYAT DAN MENTADBIR NEGARA SEBAGAIMANA YANG DIHASRAT OLEH RAKYAT YANG MEMBERI MANDAT KEPADA PARTI YANG MEREKA PILIH.

KATANYA BN SENTIASA MEMIKIRKAN USAHA-USAHA UNTUK MEMBELA RAKYAT DAN MEMBANGUNKAN NEGARA INI MENERUSI PELBAGAI RANCANGAN DAN SALAH SATU DARIPADANYA IALAH PROJEK MENENUN SUTERA INI. -- LAGI.

1132MST 31 07 86

MAHATHIR-PAS 3 KUALA TERENGGANU

PROJEK SUTERA INI, SATU-SATUNYA DI MALAYSIA, ADALAH LANGKAH KERAJAAN MENYEDIAKAN PAYUNG SEBELUM HUJAN MEMANDANGKAN HARGA MINYAK KINI JATUH.

KATANYA KERAJAAN AKAN TERUS MEMPELBAGAIKAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNANNYA AGAR IA MAMPU MENGHADAPI SEBARANG MASALAH AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG.

MENTERI BESAR DATUK AMAR WAN MOKHTAR AHMAD BERKATA WALAUPUN PAS DAN BN SENTIASA BERTANDING PADA SETIAP PILIHAN RAYA SEJAK 1959, NAMUN RAKYAT SETIAP KALI DAPAT MENENTUKAN +YANG MANA BENAR DAN YANG MANA PALSU+ DAN KERANA ITU NEGERI INI SENTIASA DITADBIR OLEH KERAJAAN PERIKATAN/BN.

KEBENARAN BN TERUS TERBUKTI DENGAN 35 ORANG PAS MENYERTAI BN SEMALAM, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMPUNYAI SATU SAHAJA ATURCARA IAITU PERASMIAN PERLETAKAN BATU ASAS KUALA IBAI DAN BELIAU YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI AKAN BERADA DI KELANTAN PETANG INI UNTUK LIMA ACARA LAIN. -- BERNAMA

1134MST 31 07 86